11 Ogos, 1981

Musa mahu laporan dari agensi

JOHOR BAHRU, Isnin — Datuk Musa Hitam hari ini mengarahkan semua agensi kerajaan mengemukakan maklumat-maklumat terakhir mengenai kemajuan rancangan dan projek masing-masing dari masa ke semasa kepada Jabatan Perdana Menteri.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan saya sendiri perlu mengetahui dan mengikuti perkembangan agensi-agensi kerajaan bagi mengesan sebarang masalah yang timbul," katanya.

Serentak dengan itu, Timbalan Perdana Menteri menegaskan, setiap kementerian, jabatan atau agensi kerajaan hendaklah menyenaraikan projek-projek mengikut keutamaan.

Di peringkat negeri, tegas beliau, senarai-senarai itu hendaklah diteliti oleh jawatankuasa tindakan negeri yang dipengerusikan oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri.

Datuk Musa berkata demikian ketika merasmikan Bangunan Wisma Persekutuan di Jalan Air Molek di sini. Hadir sama Menteri Besar, Tan Sri Haji Othman Saat dan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan Awam, Datuk Samy Vellu.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, kerajaan telah mengambil keputusan menggunakan sistem buku merah untuk mengesan dan mengetahui dengan mudah kemajuan perancangan dan pelaksanaan projek.

"Ini bermakna data-data di blik gerakan di semua peringkat perlu dikemaskinikan bagi tujuan tersebut," jelasnya.

Buku merah

Sistem ini, kata beliau, bertujuan menyenangkan proses membuat keputusan, misalnya bagi mengatasi masalah yang timbul, mengurangkan surat menyurat atau 'red-tape'.

Datuk Musa berkata, beberapa jabatan dan agensi kerajaan mamnu dan boleh membuat tinjauan mengenai keperluan tapak tanah bagi projek-projek yang dirancang.

"Saya menggesa, jabatan-jabatan dan agensi lain yang benar berunaya membuat tinjauan itu turut membuat penemuan lebih awal tentang keperluan tapak tanah bagi projek-projek mereka.

"Dalam langkah ini, semua agensi yang memerlukan tapak tanah untuk projek pembangunan diberi hak mengemukakan pemilihan tapak dua tahun lebih awal," katanya lagi.

Langkah ini, kata beliau, akan mengelakkan kelewatan dalam penyediaan tingkatan projek kerana ringkasan seperti itu tidak dapat disediakan jika tapak projek belum diperolehi.

Datuk Musa berkata, memandangkan banyak projek Kerajaan Persekutuan dilaksanakan di peringkat negeri, kerajaan mengambil keputusan menubuhkan jawatankuasa penyelarasan projek Persekutuan di peringkat ini.

"Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh pegawai kemajuan negeri yang bertindak sebagai penyelaras projek am dan projek bagi menimbulkan masalah di peringkat perlaksanaan," katanya lagi.

Menurutnya, untuk mengelakkan kelewatan perancangan dan perlaksanaan, kerajaan memutuskan bahawa sebarang ulasan atau bantahan hendaklah dikemukakan dalam tempoh dua minggu.

Jika tidak, katanya, projek itu akan dianggap tidak menghadapi masalah dari segi pembiayaan.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia